

SEJARAH
KERTAS 1**1249/1****JULAI**
1 jam**Satu jam**

NAMA: _____

KELAS: _____

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM**2026****SEJARAH**
KERTAS 1**TINGKATAN 5****JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU***Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan**Jawab **semua** soalan**Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C, dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang telah disediakan.**Sekiranya anda hendak menukarkan jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

Kertas soalan ini mengandungi **15** halaman bercetak.

1. Apakah ciri-ciri Negara Bangsa Kesultanan Melayu Melaka?
 - A Kerajaan
 - B Persamaan budaya
 - C Kegiatan ekonomi
 - D Agama dan kepercayaan

2. Gerakan nasionalisme di Thailand didasarkan terhadap pemerintah mereka sendiri. Apakah tindakan raja Thailand yang menyebabkan keadaan tersebut berlaku?
 - A Melaksanakan pembayaran cukai yang membebankan
 - B Meletakkan kerabat diraja dalam urusan politik
 - C Menghapuskan sistem perundangan tradisional
 - D Menyerahkan pentadbiran kepada kuasa British

3. Kesedaran perkembangan nasionalisme di negara kita dizahirkan dalam beberapa bentuk kecuali?
 - A Gerakan secara terbuka
 - B Gerakan berpersatuan
 - C Menerbitkan jurnal nasionalisme
 - D Idea penulisan

4. Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) berjaya melahirkan semangat kesedaran bangsa.



Apakah mata pelajaran yang dianggap penting dalam kurikulum SITC?

- A Mata pelajaran Usuluddin
- B Mata pelajaran ilmu Tasawuf
- C Mata pelajaran Kemahiran Hidup
- D Mata pelajaran Anyaman



5. Jadual berikut berkaitan dengan kejayaan Jepun dalam bidang ketenteraan.

1910	Jepun menguasai Korea
1937	Jepun menduduki China
1941	Jepun menduduki Indochina

Apakah kesan kejayaan tersebut terhadap Asia Tenggara?

- A Kemunculan semangat nasionalisme
 - B Peluasan kuasa pemerintahan
 - C Pengukuhan sistem pertahanan
 - D Kemantapan kuasa pemerintahan tempatan
6. Gambar berikut menunjukkan peristiwa kekejaman penjajahan Jepun di Tanah Melayu.



Apakah tindakan penduduk tempatan dalam menghadapi kekejaman tersebut?

- A Melibatkan diri dalam persatuan
 - B Menyokong Gerakan Islah
 - C Memberi kerjasama dengan British
 - D Mengadakan tujuk perasaan
7. Pernyataan yang manakah benar berkenaan Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada Kerajaan British?
- A Masalah kewangan
 - B Desakan Gabenor British
 - C Tiada penentangan Masyarakat Sarawak
 - D Bertram Brooke setuju menerima tawaran

8. Gambar menunjukkan Bandar Sandakan selepas dibom oleh tentera Jepun?



Apakah alasan yang diberikan oleh Syarikat Borneo Utara British (SBUB) dalam peristiwa penyerahan Sabah kepada British?

- A Jesselton maju di bawah pentadbiran Jepun
 - B Sabah tidak memenuhi kepentingan SBUB
 - C British Military Administration tidak mengembalikan keamanan
 - D Tidak mampu menanggung kos pembangunan
9. Mengapakah British bersetuju menerima cadangan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- A Memudahkan pelaksanaan pilihan raya umum
 - B Melambatkan proses kemerdekaan tanah air
 - C Memulihkan kuasa golongan bangsawan
 - D Mengurangkan pengaruh golongan radikal

10. Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan politik di Tanah Melayu sebelum merdeka.

Tahun	Peristiwa
1 Febuari 1948	Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan

Apakah kesan peristiwa tersebut terhadap perjuangan orang Melayu?

- I Parti-parti politik digabungkan
 - II Diiktiraf sebagai penduduk asal
 - III Kuasa Raja-Raja Melayu dikembalikan
 - IV Syarat kerakyatan terbuka
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

11. Gambar berikut menunjukkan tindakan kejam komunis di Tanah Melayu.



Mengapakah komunis bertindak demikian?

- A Melumpuhkan ekonomi British
- B Mengukuhkan ideologi
- C Mengancam penduduk
- D Membantah pendudukan Jepun

12. British sedar bahawa Darurat tidak boleh ditamatkan melalui strategi ketenteraan semata-mata.
Apakah tindakan susulan British untuk menamatkan Darurat?
- A Menutup petempatan kampung baru
 - B Melaksanakan dasar pengagihan kuasa
 - C Mengadakan Rundingan Baling
 - D Mempercepatkan kemerdekaan negara
13. Apakah kesan dasar pentadbiran British terhadap bidang pendidikan di negara kita ?
- A Memperkasakan sekolah antarabangsa
 - B Mewujudkan sekolah vernakular
 - C Memantapkan kurikulum persekolahan
 - D Memperkenalkan pembelajaran bahasa asing
14. Maklumat berikut berkaitan dengan sumbangan Dato' Onn bin Jaafar?

Tahun	Sumbangan
1946	Menubuhkan United Malay National Organization (UMNO)
1951	Menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya (IMP)

Mengapakah Dato' Onn menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya sedangkan sebelum itu beliau telah menubuhkan UMNO?

- A Mengutamakan kerjasama kaum
- B Melahirkan kesedaran politik
- C Perjuangan hak yang sama
- D Menentang penjajahan British

15. Pilihan raya umum pertama di Tanah Melayu diadakan pada tahun 1955 bertujuan untuk

- I Mengawal pemberian kerakyatan kepada orang asing
- II Memberi peluang kepada rakyat memilih parti
- III Persediaan ke arah berkerajaan sendiri
- IV Menghalang penjajahan bentuk baru

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

16. Petikan berikut merupakan kata-kata Tunku Abdul Rahman dalam ucapannya pada 31 Ogos 1955.

“ Ini ialah hari yang amat penting dalam sejarah Majlis ini. ”

Apakah rumusan yang dapat dibuat berdasarkan kata-kata tersebut?

- A Menyatakan tarikh kemerdekaan
- B Mengisytiharkan penamatan darurat
- C Mengumumkan kejayaan pembentukan Malaysia
- D Meraikan kejayaan dalam pilihan raya

17. Maklumat berikut berkaitan dengan fungsi Suruhanjaya Perlembagaan (Suruhanjaya Reid).

- Menetapkan kuasa Kerajaan Pusat dan kuasa Kerajaan Negeri
- Mewujudkan rupa bangsa kerajaan Persekutuan Tanah Melayu
- X

Apakah X ?

- A Merangka perlembagaan yang merdeka
- B Menentukan sempadan negeri
- C Menggubal syarat kerakyatan
- D Mencadangkan pilihan raya

18. Raja-raja Melayu telah mengemukakan memorandum kepada Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Cadangan manakah yang terandung dalam memorandum tersebut?
- A Ketua menteri mengetuai pentadbiran negara
B Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara
C Undang-undang tempatan dikuatkuasakan
D Syarat kewarganegaraan dikaji semula
19. Maklumat ini menerangkan tentang satu binaan bangunan bersejarah di negara kita.

- Mengambil masa 6 bulan untuk disiapkan
- 22 ribu tempat duduk
- Menelan belanja 2.5 juta ringgit

Manakah yang tepat berkenaan maklumat tersebut?

- A Stadium Sukan Bukit Jalil
B Bangunan Sultan Abdul Samad
C Stadium Merdeka
D Padang Kelab Selangor
20. Apakah kepentingan lambang tersebut?



Jata Negara 1957

- I Simbol perpaduan
II Lambang jati diri negara
III Semangat kemerdekaan
IV Kedaulatan undang-undang
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

21. Apakah ciri negara yang berdaulat?
- A Mempunyai sempadan dan pemisah
 - B Sistem dekolonisasi yang mantap
 - C Memperjuangkan hak rakyat
 - D Mempunyai lambang kebesaran
22. Gambar berikut berkaitan dengan perpaduan kaum di Malaysia.



- Apakah peranan rakyat dalam memastikan keharmonian perpaduan kaum di Malaysia?
- A Mewujudkan pentadbiran yang cekap
 - B Menjalinkan hubungan diplomatik
 - C Mengubal undang-undang
 - D Menggunakan bahasa kebangsaan
23. Ciri-ciri tradisional dalam perkembangan Perlembagaan Persekutuan ialah?
- I Kedudukan Bumiputera
 - II Sistem Demokrasi Berparlimen
 - III Kerajaan Persekutuan
 - IV Agama Islam
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

24. Pasangan yang manakah berkaitan dengan pindaan Perlembagaan tahun 1965?

A	Mahkamah Atasan	Mahkamah Rayuan
B	Jawatan Yang di- Pertua Negeri	Di Sarawak dan Sabah
C	Singapura berpisah dari Malaysia	Imigresen, kewangan, pertahanan
D	Ketua Hakim North Borneo	Pesuruhjaya Kehakiman

25. Apakah yang dimaksudkan dengan DURBAR?

- A Perbincangan sulit Raja dan Residen
- B Mesyuarat rasmi sultan dan pembesar negeri
- C Perjumpaan Pesuruhjaya Tinggi dan pemimpin tempatan
- D Persidangan umum Raja Melayu dengan British

26. Pernyataan manakah yang berkaitan dengan mekanisme semak dan imbang dalam pentadbiran?

- I Kuasa Raja mampu meredakan konflik
 - II Parti Perikatan menang 13 kali pilihan raya
 - III Yang di-Pertua Negeri melantik Ketua Kerajaan Negeri
 - IV Badan Perundangan menggubal undang-undang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

27. Konfederasi merupakan perkara yang penting dalam Sistem Persekutuan. Mengapakah perkara ini berlaku?

- A Merupakan gabungan antara negeri yang berdaulat dalam satu ikatan longgar
- B Kerjasama politik yang menekankan soal perkongsian kuasa antara kaum
- C Membahaskan rang undang-undang yang diluluskan Dewan Rakyat
- D Gabungan sembilan buah Negeri Melayu dan dua buah Negeri Selat

28. Berikut ialah faktor-faktor yang mengukuhkan Majlis yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

X
Majlis Kewangan Negara
Y

Apakah X dan Y?


- I Mesyuarat Majlis Menteri Besar
 II Majlis Parlimen dan DUN
 III Majlis Tanah Negara
 IV Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
29. Berikut adalah tokoh Melayu tempatan yang mencadangkan idea penggabungan Gagasan Malaysia sejak sebelum Perang Dunia Kedua?

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Dr. Burhanuddin al- Helmy • Ibrahim Haji Yaakob • Ahmad Boestamam |
|---|

Mereka mencadangkan supaya Tanah Melayu digabungkan dengan?

- A Sarawak
 B Sabah
 C Indonesia
 D Thailand
30. Apakah faktor yang menjayakan kemerdekaan negara dan pembentukan Persekutuan Malaysia?
- A Berwawasan mencapai matlamat
 B Kesepakatan dan kestabilan
 C Kesetiaan kepada Raja dan negara
 D Menjunjung kedaulatan undang-undang

31. Apakah perkara yang diminta oleh Tun Abdul Razak Hussein dalam buku ini ?



- A Mengembangkan industri kecil dan sederhana
 - B Masyarakat menggunakan kaedah serampang dua mata
 - C Penduduk luar bandar membangunkan tanah yang terbiar
 - D Rakyat Malaysia berdedikasi membangunkan negara
32. Mengapakah Pilihan Raya Umum Ketiga menjadi pencetus berlakunya peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 ?
- A Kempen melibatkan isu sensitiviti kaum
 - B Kewibawaan calon dipertikai
 - C Keputusan pemilihan tidak adil
 - D Dipengaruhi parti politik asing
33. Kajian Aminuddin Baki telah memperkenalkan sistem persekolahan aneka jurusan. Mengapakah sistem sekolah ini diperkenalkan ?
- A Mengurangkan sekolah vernakular
 - B Memendekkan tempoh persekolahan
 - C Melahirkan tenaga kerja mahir
 - D Menempatkan murid kelainan upaya

34. Gambar berikut ialah logo Sukan Malaysia (SUKMA).



Apakah tujuan sukan ini diadakan?

- A Memantapkan ekonomi negara
 - B Mengeratkan hubungan perpaduan
 - C Memajukan industri pelancongan
 - D Mengimbangi sosial antara kaum
35. Rajah menunjukkan Rancangan Pembangunan DEB yang dijalankan di bawah Dasar Ekonomi Baru.

1971-1975	Rancangan Malaysia Kedua
1976-1980	Rancangan Malaysia Ketiga
1981-1985	Rancangan Malaysia Keempat
1986-1990	Rancangan Malaysia Kelima

Bagaimanakah matlamat tersebut boleh dicapai?

- A Mengurangkan hak milik asing
- B Memilikkan industri
- C Sistem kewangan disusun semula
- D Rakyat menikmati kemakmuran negara dengan adil saksama

36. Manakah yang berkaitan strategi Dasar Pembangunan Nasional (DPN)?
- I Penggunaan sains dan teknologi
 - II Membasmi kemiskinan
 - III Menyusun semula masyarakat
 - IV Kemudahan fizikal dan alam sekitar
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
37. Malaysia bertegas dengan isu berkaitan pelarian dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Apakah penglibatan Malaysia dalam isu ini?
- A Menyokong Dasar Apartheid
 - B Menandatangani Status Pelarian 1951
 - C Membenarkan pelarian tinggal sebentar di negara ini
 - D Menandatangani Protokol Status Pelarian 1967
38. Malaysia bersama-sama Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) telah memberikan sumbangan kepada penuntut di universiti ini.



Apakah bentuk pembangunan yang diberikan?

- A Memberikan biasiswa
- B Menyalurkan bantuan kemasyarakatan
- C Menyokong nasib rakyat Palestin
- D Menyertai pasukan tentera pemerhati PBB

39. Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) telah diumumkan pada tahun 1992 di Singapura.
Bagaimanakah AFTA boleh memacu kemajuan ekonomi ASEAN?
- A Sekatan dagangan dihapuskan
 - B Mengurangkan tarif dan cukai barangan
 - C Mengawal kemasukan pelabur dari rantau lain
 - D Menyokong produk keluaran barat
40. Malaysia telah memperkenalkan Anugerah Langkawi mulai tahun 1991.



Apakah tujuan anugerah ini diperkenalkan?

- A Menghargai sumbangan dalam bidang keamanan
- B Menggalakkan penglibatan dalam bidang teknologi
- C Menghargai sumbangan besar alam sekitar
- D Mengiktiraf penglibatan dalam bidang kemanusiaan

SOALAN TAMAT

